Marina Mahathir jauh lebih matang dari bapanya
Harakah Daily
9 Jun 2013

KUALA LUMPUR: Menghairankan mengapakah Tun Mahathir tidak mahu mengikut jejak langkah anak perempuannya Marina, tulis blogger *Omak Kau*.

Ini berhubung sekeping gambar yang memperlihatkan hubungan yang mesra antara Marina Mahathir dengan Nurul Izzah Anwar.

Berikut ulasan blogger *Omak Kau*.

Tidak semestinya dinobatkan oleh para pengkagum dan pemujanya sebagai negarawan paling ulung pernah dilahirkan di negara ini bersifat berjiwa besar, matang dan profesional dalam tindak tanduknya.

Itulah yang dapat Omak Kau tafsirkan mengenai rakaman gambar di atas.

YB Nurul Izzah Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Ybhg Datuk Paduka Marina Mahathir Tun Dr Mahathir.

Kelihatan cukup mesra dan mampu ketawa bila bersua muka.

Umum sudah pun mengetahui yang DSAI sejak pembebasannya tahun 2006 lagi telah memaafkan apa jua tindakan zalim dan fitnah yang dikenakan terhadap dirinya oleh Tun Dr Mahathir Mohamad namun sampai sekarang negarawan yang dikatakan paling ulung oleh para pengkagumnya masih dilihat mempunyai sifat dendam dan terus menyerang DSAI dengan pelbagai fitnah usang dengan cerita diulang tayang.

Di situ terletaknya perbezaan jiwa antara DSAI dengan Tun M..paling menghairankan mengapakah Tun M tidak mau mengikut jejak langkah anak perempuannya Marina?

Sumber: www.harakahdaily.net